

16/04/1998

MB bincang krisis air (HL)

KUALA TERENGGANU, Rabu - Kerjasama bagi mengatasi kekurangan bekalan air di beberapa negeri ekoran kemarau sekarang akan dibincangkan dalam mesyuarat menteri-menteri besar tidak lama lagi.

Menteri Besar Terengganu, Tan Sri Wan Mokhtar Ahmad, selaku pengerusi mesyuarat menteri-menteri besar berkata, beliau akan memanggil mesyuarat itu berikutan masalah kekurangan air semakin meruncing sekarang.

"Mesyuarat itu akan membincangkan langkah yang memerlukan perhatian segera berhubung masalah kekurangan air di sesetengah negeri," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Exco negeri hari ini.

Semalam Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, penyelarasan bekalan air antara negeri boleh dilakukan dalam masa terdekat ini berikutan kerajaan negeri mula menganggap masalah air sebagai perkara mendesak.

Perdana Menteri percaya cadangan itu boleh dilaksanakan walaupun kosnya agak tinggi kerana perlu merentasi bukit.

Menurut Wan Mokhtar, Terengganu sedia membekalkan air ke negeri yang mengalami kekurangan jika menerima permintaan. Bekalan air negeri ini mampu dibekalkan ke seluruh negara.

Di KOTA BHARU: Kerajaan Kelantan sedia mengkaji cadangan untuk menyelaraskan projek bekalan air di seluruh negara bagi menangani masalah bekalan air, berikutan musim kemarau yang berpanjangan sekarang.

Timbalan Menteri Besar, Abdul Halim Abdul Rahman, berkata kerajaan negeri akan mengkaji terlebih dahulu kertas cadangan mengenainya sebelum membuat sebarang komitmen terhadap perkara itu.

"Saya sependapat dengan kenyataan Menteri Besar Terengganu, Datuk Wan Mokhtar Ahmad, bahawa kertas cadangan mengenainya (penyelarasan bekalan air) itu perlu diteliti dahulu," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (Exco) di Kota Darulnaim, hari ini.

Paras air di beberapa sungai utama di Kelantan dilaporkan berada pada paras membimbangkan, sekali gus memberi kesan kritikal terhadap pengairan ke kawasan pertanian dan bekalan air kepada penduduk.

Pengarah Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Kelantan, Cho Beng Keong, berkata paras air di tiga sungai utama di negeri ini, iaitu Sungai Kelantan, Sungai Golok dan Sungai Semerak mencatat bacaan yang semakin menurun.

Di IPOH: Kerajaan Perak menunggu butiran lanjut daripada Kerajaan Pusat berhubung penubuhan Majlis Air Negara bagi menyelaraskan bekalan air antara negeri di seluruh negara, kata Menteri Besar, Tan Sri Ramli Ngah Talib.

Menurutnya, kerajaan negeri tidak menghadapi masalah mengenai penubuhan majlis berkenaan yang bertujuan menyelaraskan penghantaran air dari negeri yang mempunyai banyak bekalan kepada negeri yang kekurangan air.

Beliau berkata, kajian terperinci perlu dijalankan supaya projek penyaluran air antara negeri yang memerlukan belanja tinggi itu, ekonomik dilaksanakan.

"Cadangan memasang paip yang merentasi negeri seperti Grid Nasional memang wajar dilaksanakan supaya negeri yang banyak sumber air dapat membantu negeri yang menghadapi masalah kekurangan air.

"Kita menunggu maklum balas lanjut daripada Kerajaan Pusat kerana ia membabitkan kos yang tinggi. Mungkin Kerajaan Pusat dapat menanggung kos berkenaan atau projek itu dilaksanakan melalui penswastaaan," katanya di

sini, hari ini.

Ramli berkata, kerajaan Perak akan mewartakan 140,000 hektar kawasan tadahan di seluruh negeri ini sebagai hutan kekal bagi menjamin penduduk mendapat bekalan air mencukupi.

Di KUCHING, kerajaan Sarawak tidak berhasrat menyertai Majlis Air Negara, kerana ia sudah mempunyai jentera cukup baik bagi mengendalikan pengurusan air di negeri ini.

Ketua Menteri, Tan Sri Abdul Taib Mahmud, berkata beliau belum memutuskan untuk mengubah keadaan itu dan akan terus meletakkan soal pengurusan air di bawah jagaan kerajaan negeri.

Menurutnya, apa yang kerajaan negeri lakukan setakat ini sudah baik bagi memastikan bekalan air di Sarawak mencukupi.

"Sekali sekala masalah kekurangan air timbul di negeri ini berikutan masalah kemarau dan kita boleh mengendalikannya sendiri," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas menghadiri taklimat mengenai pembangunan infrastruktur di Sarawak, di Wisma Bapa Malaysia di sini, petang ini.

Di GEORGETOWN, Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar meluluskan permohonan kerajaan negeri bagi membolehkan Jabatan Kajicuaca dan Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) menjalankan pembenihan awan di kawasan tadahan air di Kedah dan Pulau Pinang.

Ketua Menteri Pulau Pinang, Tan Sri Dr Koh Tsu Koon, berkata Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Datuk Law Hieng Ding sudah meluluskan projek pembenihan awan selepas menerima permohonan kerajaan negeri.

"Surat kelulusan untuk projek itu difakskan oleh Ketua Pengarah Jabatan Kajicuaca, Dr Lim Joo Tick kepada saya, semalam," katanya ketika ditemui selepas menghadiri perayaan tahun baru Hindu di Kuil Sri Sakhti Venagar di Jalan Fettes, dekat sini, malam tadi.

Di SEREMBAN, dua kawasan di negeri ini dikenal pasti mempunyai sumber air bawah tanah yang banyak dan sesuai dimajukan untuk membekalkan air kepada penduduk negeri ini.

Kawasan berkenaan ialah Bukit Pelanduk, Port Dickson dan Serting Hilir di Jempol. Setiap kawasan mampu membekalkan air antara 1.1 juta liter hingga 1.3 juta liter sehari.

Menteri Besar, Tan Sri Mohd Isa Abdul Samad, berkata Jabatan Bekalan Air Negeri Sembilan (JBANS) akan mengeluarkan tender tidak lama lagi kepada syarikat untuk melaksanakan projek itu.

Kawasan berkenaan ialah Bukit Pelanduk, Port Dickson dan Serting Hilir di Jempol. Setiap kawasan mampu membekalkan air antara 1.1 juta liter hingga 1.3 juta liter sehari.

Menteri Besar, Tan Sri Mohd Isa Abdul Samad, berkata Jabatan Bekalan Air Negeri Sembilan (JBANS) akan mengeluarkan tender tidak lama lagi kepada syarikat untuk melaksanakan projek itu.

(END)